

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah Kementerian benar-benar serius dengan cadangan untuk meneruskan dengan penanaman 'hemp' yang merupakan sejenis dadah yang boleh mengakibatkan banyak gejala sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952, penanaman *Cannabis sativa* atau hemp adalah dilarang dan tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan penyelidikan. Sebelum hemp boleh ditanam untuk tujuan industri mahupun perubatan, kajian yang terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Kajian tersebut perlu mengambil kira pelbagai faktor termasuk ekonomi, sosial, dan keselamatan. Bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan hemp yang boleh meningkatkan gejala penagihan dadah, aspek kawalan dan pemantauan dari segi perundangan dan keselamatan perlu diberi perhatian. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi berkepentingan lain dalam Jawatankuasa Pemandu Projek Penanaman Hemp sedang memuktamadkan kajian potensi penanaman hemp di Malaysia.

Sekian, terima kasih.